

Speech By : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Title : MAJLIS LAWATAN DI RAJA, DI PUSAT KARYANEKA
Location : PUSAT KARYANEKA, KUALA LUMPUR
Date : 17-02-1982

DYMM Raja Perempuan Perlis;

DYMM Sultanah Kedah;

DYMM Tengku Ampuan Selangor;

DYMM Raja Perempuan Perak;

DYMM Tunku Ampuan Negeri Sembilan;

Kebawah DYMM Raja Perempuan Kelantan;

DYMM Tengku Ampuan Besar Trengganu;

DYMM Sultanah Johor;

Ampun Tuanku.

Patek bagi pihak Jawatankuasa Penasihat Organisasi Pemasaran Kraftangan atau Karyaneka dan semua Pegawai-pegawai dan Anggota Pusat Karyaneka, merafak sembah dan menjunjung kasih Kebawah Duli-Duli Tuanku kerana berkenan berangkat mencemar Duli-Duli Tuanku ke Pusat Karyaneka pada pagi ini.

2. Patek sekalian merasa amat bangga dan bahagia kerana kunjungan Kebawah Duli-Duli Tuanku ke Pusat ini membuktikan betapa besarnya minat dan perhatian Kebawah Duli-Duli Tuanku terhadap perusahaan-perusahaan yang dilaksanakan oleh masyarakat luar bandar. Kunjungan Kebawah Duli-Duli Tuanku juga memberi perangsang dan galakan yang lebih lagi kepada patek sekalian untuk memastikan kejayaan projek ini.

3. Sekarang patek mohon izin dan perkenan Kebawah Duli-Duli Tuanku untuk meneruskan ucapan patek kepada para hadirin sekalian.

Ampun Tuanku.

Yang Amat Berbahagia Isteri-isteri kepada Tuan-tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri; Yang Amat Berbahagia Isteri-isteri kepada Yang Amat Berbahagia Menteri-menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

4. Sempena dengan Persidangan Majlis Raja-Raja di Kuala Lumpur pada hari ini, Karyaneka telah berkesempatan mendapat perkenan Kebawah Duli-Duli Yang Maha Mulia sekalian dan mengundang isteri-isteri Tuan-tuan Terutama, isteri-isteri Menteri Besar dan Ketua Menteri secara rasmi ke Pusat Karyaneka ini untuk diperkenalkan Karyaneka dan hasil-hasil perusahaan tangan dengan lebih dekat lagi. Saya selaku Pengerusi Karyaneka, dan bagi pihak semua ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat, Pegawai-pegawai dan anggota-anggota Karyaneka mengalu-alukan kedatangan tetamu-tetamu agung dan kehormat sekalian serta mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

5. Karyaneka adalah panggilan ringkas Organisasi Pemasaran Kraftangan, dan berasal dari dua perkataan, iaitu perkataan "KARYA" dan perkataan "ANEKA". Perkataan "karya" bermakna "hasil, ciptaan atau rekaan" dan perkataan "aneka" memberi makna "pelbagai jenis". Cantuman dua perkataan "KARYANEKA" adalah digunakan setiap masa dengan logonya yang amat "simple." 6. Projek Karyaneka adalah hasil daripada usul NACIWID kepada Bank Dunia pada tahun 1977 bagi menubuhkan sebuah pusat pemasaran kraftangan wanita. Usul ini dipersetujui oleh pihak Bank Dunia dan juga Kerajaan Malaysia sebagai satu projek kependudukan dan kesihatan serta pembangunan keluarga.

7. Bagi memudahkan tugas-tugas pentadbiran dan pengendalian Karyaneka, Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) yang dahulunya terletak di bawah Kementerian Pertanian dan yang sekarang di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan projek ini dan memperluaskan bidang projek ini kepada semua penduduk luar bandar dan juga penduduk bandar yang kurang bernasib baik.

8. Matlamat Karyaneka, selain daripada untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan memberi galakan supaya masa lapang digunakan dengan lebih produktif, adalah juga bertujuan untuk mewujudkan dan menambah lagi peluang pekerjaan. Di samping memaju dan mengekalkan minat dalam bidang kraftangan, mereka yang terlibat dalam projek ini dapat menambah kemahiran masing-masing dan menggunakan bahan-bahan tempatan dengan adanya pasaran yang terjamin.

9. Untuk mencapai matlamat ini, Karyaneka dikehendaki mengambil beberapa langkah perlu bagi menjamin mutu hasil kraftangan yang tinggi dan yang mencerminkan identiti Malaysia dengan latarbelakang kebudayaan dan kesenian nasionalnya. Oleh itu Karyaneka akan menyediakan saluran pemasaran, memberi latihan, mengadakan pereka bentuk yang sesuai mengikut aliran masa, memberi khidmat nasihat dan juga membekalkan bahan-bahan yang bermutu dan pengurusan yang cekap. Dengan langkah-langkah ini adalah dipercayai projek-projek yang dilaksanakan oleh Karyaneka akan mendapat kejayaan yang cemerlang. Untuk membimbing dan mengawasi perjalanan projek Karyaneka, sebuah Jawatankuasa Penasihat yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian dan Jabatan-jabatan serta agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan dan juga wanita-wanita yang berminat di dalam Kraftangan telah dibentuk. Tiga buah jawatankuasa kecil telah ditubuhkan bagi menyelaraskan pengurusan, latihan, publisiti dan promosi.

10. Peruntukan Karyaneka di perolehi daripada Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan juga pinjaman daripada Bank Dunia melalui peruntukan kependudukan. Adalah diharapkan bahawa dalam jangka masa tiga hingga empat tahun Karyaneka mungkin tidak akan memerlukan bantuan daripada pihak Bank Dunia lagi.

11. Projek-projek Karyaneka adalah ditumpukan kepada kraftangan yang hampir luput ataupun perlu diperkembangkan dari segi mutu, rekabentuk dan sebagainya. Keutamaan diberi kepada tekat-menekat benang emas. Tiga buah daerah di Selangor dan Perak telah pun diteliti dan 50 orang penekat telah pun dikesan. Rekabentuk dan corak baru telah diperkenalkan kepada mereka dan usaha-usaha mereka akan dilihat sebentar lagi.

12. Di dalam soal sulam-menyulam benang emas dengan menggunakan mesin, Karyaneka telah memulakan projek printis ini di Kubang Pasu, Kedah. Sulaman dengan benang biasa didapati juga dari pemaju-pemaju KEMAS di merata negeri.

13. Selain daripada itu, projek membuat bunga dengan kerjasama kelab-kelab wanita FELDA, RISDA dan lain-lain juga dijalankan. Bunga-bunga ini adalah sangat laris jualannya sekarang.

14. Pesanan-pesanan bagi hasil perusahaan kraftangan masyarakat luar bandar yang diusahakan secara kumpulan atau individu dikumpulkan di Pusat Kegiatan Masyarakat atau Pejabat-pejabat KEMAS daerah dan negeri dan dihantarkan ke Pusat-pusat Latihan Pembangunan Keluarga di peringkat negeri untuk diedarkan ke pusat Karyaneka ini. Di pusat Karyaneka inilah setiap barang itu diperiksa semula untuk menetapkan mutu dan harga pasarannya.

15. Karyaneka dan Pusat ini dilancarkan pada 1hb. Disember, 1981 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong setelah bangunan peringkat pertama ini siap di bina. Kami bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala di atas sambutan baik daripada orang ramai. Pusat ini dibuka setiap hari termasuk hari Ahad dari jam 10.00 pagi hingga 6.00 petang untuk jualan dan menerima pesanan.

Mudah-mudahan pengusaha-pengusaha Karyaneka di luar bandar giat menyediakan hasil-hasil tekat menekat yang dipesan ini yang dahulunya bukan sahaja sukar dikesan tetapi tidak menarik minat orang ramai kerana coraknya. Dengan perubahan yang dibuat kepada corak dan rupabentuk, pada masa ini Karyaneka telah menerima banyak pesanan. Ini membuktikan hubungan erat di antara pengeluaran dan pemasaran hasil-hasil kraftangan, iaitu jika ada pembeli maka adalah mereka yang akan menghasilkannya dan kita akan dapat menjamin bahawa kesenian yang hampir luput itu akan hidup dan berjaya semula.

16. Adalah menjadi harapan Karyaneka agar Kebawah Duli-Duli Tuanku serta Yang Amat Berbahagia-Yang Amat Berbahagia Tuan-tuan dan puan-puan akan membeli hasil-hasil kraftangan yang disediakan di sini untuk kegunaan sendiri atau sebagai hadiah kepada kenalan luar negeri. Dengan cara ini kraftangan kita dapat diperkenalkan semula di dalam dan luar negeri, dan yang penting sekali bagi kita di Karyaneka, ialah pengusaha-pengusaha di luar bandar akan mendapat peluang pekerjaan dan menambahkan lagi pendapatan mereka.

17. Sekianlah sahaja secara ringkas mengenai Karyaneka, dan dengan segala hormatnya saya

persilakan para hadirin yang dihormati melawat pamiran dan jualan Karyaneka di atas.

Ampun Tuanku,

18. Dengan segala hormat dan takzimnya patek mempersilakan Kebawah Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku melawat Pusat Karyaneka di bahagian atas.

Ampun Tuanku.